

20 MARCH 1998

Mahathir-Internet

M'SIA EDARKAN MAKLUMAT BETUL BAGI ATASI MAKLUMAT TIDAK TEPAT DLM INTERNET

Oleh: Yong Soo Heong

HANNOVER, 20 Mac (Bernama) -- Malaysia akan mengedar sendiri maklumat yang tepat sebagai mengatasi penyebaran maklumat tidak betul mengenai negara dalam Internet, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Bercakap pada sesi soal jawab selepas membentangkan kertas kerja pada Persidangan Pelabur-pelabur Koridor Raya Multimedia di sini, Perdana Menteri berkata kerajaan menyedari mengenai penyebaran data yang tidak tepat dalam Internet.

Ini terutamanya yang berkaitan dengan prestasi ekonomi dan data ekonomi lain negara, kata beliau.

Dr Mahathir berkata kerajaan berharap dapat membetulkan keadaan itu dengan mengeluarkan sendiri maklumat yang tepat dalam Internet.

Ketika diminta menjelaskan apa yang dimaksudkannya, dalam ucapannya sebelum itu, apabila beliau berkata mereka yang menyebarkan bahan-bahan larangan di Malaysia adalah tertakluk kepada undang-undang negara, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak akan menapis maklumat dalam Internet.

"Seseorang boleh melihat maklumat yang ada dalam Internet tetapi jika dia memindah terima dan menyebarkan maklumat tertentu yang didapati berunsur subversif, ia akan dianggap sebagai satu kesalahan di Malaysia," katanya.

Umpamanya, kemungkinan ada maklumat yang boleh menyebabkan pergolakan politik dalam negara, katanya.

"Sudah tentu ia sukar untuk didefinisikan kerana bagi sesetengah orang, mereka fikir ia hanya maklumat sahaja, tetapi jika kita menggiatkan orang untuk bergaduh sesama sendiri...kami akan menganggapnya sebagai salah," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata Malaysia, sebagai sebuah negara majmuk, perlu sentiasa berwaspada terhadap sebarang masalah yang boleh membangkitkan perasaan perkauman di kalangan rakyatnya.

Sambil merujuk kepada penggubalan undang-undang siber di Malaysia, Dr Mahathir berkata ia digubal bagi menangani bentuk aktiviti jenayah baru yang boleh dilakukan dalam Internet.

Ketika ditanya bagaimana Malaysia dapat menarik pekerja-pekerja berpengetahuan yang diperlukan oleh projek MSC, Perdana Menteri berkata institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dijangka mengeluarkan 7,000 orang pekerja berpengetahuan setahun.

Dr Mahathir berkata syarat-syarat bekerja juga boleh membantu menarik pekerja-pekerja mahir untuk berkhidmat di Malaysia.

Apabila seorang peserta bertanya sama ada MSC ialah projek yang "digerakkan oleh Amerika" memandangkan bilangan besar firma Amerika dalam projek itu, Dr Mahathir, sambil mengakui terdapat penyertaan sedikit firma-firma Eropah, berkata ia mungkin kerana firma-firma Amerika dan Jepun yang mengetahui mengenai MSC terlebih dahulu.

"Tetapi kami sedang mengatasinya (kekurangan penyertaan Eropah). Sebab itulah saya berada di sini. Dengan melihat kepada CebBit 98, saya fikir terdapat skop yang besar untuk penyertaan lebih banyak firma-firma Eropah. Saya rasa mereka (rakyat Eropah) akan datang (ke MSC)," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

SHY NAK